

# MINYAK MENTAH

**Δ44 SEN +**  
21 Disember 2016

BH 22/12.

**H**arga minyak mentah meningkat semalam berikutan jangkaan inventori minyak mentah Amerika Syarikat (AS) jatuh, meskipun aktiviti perdagangan lejangang menjelang cuti umum sambutan Krismas hujung minggu ini.

Kontrak hadapan minyak mentah AS, West Texas Intermediate (WTI) didagangkan pada paras AS\$53.73 satu tong pada 0756 GMT, menaik 43 sen atau 0.81 peratus daripada paras akhir ia didagangkan.

Kontrak penanda aras antarabangsa Brent berada pada paras AS\$55.59 satu tong, meningkat 44 sen atau 0.79 peratus.

Peniaga berkata, harga yang tinggi sebahagian besarnya susulan jangkaan pengurangan dalam inventori minyak mentah AS. yang mana akan keluar, lewat semalam.

Penganalisis OANDA yang berpangkalan di Singapura, Jeffrey Halley, berkata stok minyak mentah AS dijangka jatuh sebanyak 2.563 juta tong.

Bagi tahun depan, bank Perancis, Societe Generale berkata dalam tinjauan pasaran minyak Disember bahawa persetujuan antara Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan pengeluar

minyak lain seperti Russia untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak hampir 1.8 juta tong sehari (bpd) daripada Januari 2017 sepatutnya melonjakkan harga minyak daripada julat AS\$40 hingga AS\$50 pada 2016 kepada julat AS\$40 hingga AS\$50 pada 2017.

Jangkaan harga yang rendah bagi 2017 berikutan pasaran minyak dijangka kekal mendapat bekalan yang mencukupi meskipun rancangan pengurangan output.

Output minyak 2016 Russia dijangka berjumlah 547.5 juta tan (11 juta tong sehari), peningkatan 2.5 peratus daripada tahun sebelumnya, kata Menteri Tenaga Russia, Alexander Novak kepada pemberita lewat kelmarin.

Mengambil kesempatan daripada harga minyak mentah murah dan banyak, syarikat penapis minyak terutama di Asia mengeluarkan lebih bahan api yang boleh diserap pasaran.

China mengeksport 1.47 juta tan diesel pada November, meningkat 61.8 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, demikian mengikut perangkaan kastam semalam.

Eksport petrol meningkat sebanyak 64.6 peratus pada November kepada 940,000 tan.

**REUTERS**